

21/05/1997

3 firma mahu hasil pendidikan multimedia

UTUSAN Melayu (M) Bhd (Utusan Melayu), New Media Press Ltd (NMPL) dan Land & General Bhd menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk menghasilkan bahan pendidikan multimedia (di dalam bentuk CD-Rom dan Internet) yang akan diedarkan di rantau Asean.

Dalam kenyataan di Kuala Lumpur semalam, Utusan Melayu menyatakan melalui penggunaan teknologi multimedia terkini itu, ketiga-tiga rakan kongsi terbabit berharap agar usaha itu dapat meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam subjek sains serta matematik, dan ini secara langsung dapat mengurangkan perbelanjaan berkaitan.

MoU yang dimeterai di London itu, semalam, disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengetuai delegasi Malaysia untuk memperkenalkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

NMPL yang beribu pejabat di Britain adalah sebuah syarikat terulung di dalam bidang penerbitan dan reka bentuk multimedia.

(END)